

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 9

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendirian Kementerian mengenai harga karbon dan pelaksanaan cukai karbon di loji kuasa mengikut polisi Kerajaan Singapura baru-baru ini, berdasarkan kelulusan resolusi AIPA terhadap harga karbon pada bulan Ogos 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Paris Agreement telah dipersetujui oleh semua negara Parti kepada UNFCCC pada 12 Disember 2015. Antara kandungan Paris Agreement adalah mengenai pembangunan dan pelaksanaan mekanisme pendekatan kerjasama (*cooperative approaches*), mekanisme pasaran (*market mechanism*) dan mekanisme bukan pasaran (*non-market mechanism*) di bawah Artikel 6.

2. Walau bagaimanapun, pembangunan garis panduan bagi pelaksanaan Artikel 6 kepada Paris Agreement ini masih dirundingkan. Dijangkakan proses rundingan Artikel 6 ini akan dimuktamadkan semasa Persidangan UNFCCC COP-25 di Santiago, Chile pada hujung tahun ini.

3. Dalam masa yang sama, adalah penting supaya pembangunan kerangka perundangan perubahan iklim yang dicadangkan untuk selari dengan hasil rundingan Artikel 6 kepada Paris Agreement.

Sekian, terima kasih.